


# NewspaperSG



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

## Persisi mohon \$110,000 daripada SSC

Berita Harian, 16 October 1996, Page 13

 Article also available on Microfilm Reel NL20824

Printer-Friendly Page

# Persisi mohon \$110,000 daripada SSC

Untuk sertai 3 kejohanan, persiapan Sukan SEA

**SILAT** Oleh **YUSOFF A. RAHMAN**

**PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) telah memohon subsidi sebanyak \$110,000 daripada Majlis Sukan Singapura (SSC) untuk menyertai tiga kejohanan antarabangsa dan sebagai persiapan menghadapi Sukan SEA Jakarta tahun depan.**

Selain Kejohanan Pencak Silat Kebangsaan Malaysia di Sarawak dari 23 hingga 30 November depan, Persisi juga akan menghantar para pesilatnya menyertai Kejohanan Pencak Silat Dunia di Jakarta dan Kejohanan Undangan Hanoi pada tahun depan.

Keputusan memohon subsidi itu telah diumumkan oleh Setiausaha Agung Persisi, Jamaludin Jamil, semalam.

“Subsidi yang kami minta daripada SSC itu merangkumi biaya kerana menyertai tiga kejohanan antarabangsa, per-

siapan menjelang Sukan SEA mulai September tahun depan di samping untuk membeli peralatan dan keperluan latihan," tambahnya lagi.

Menurut Jamaludin, permohonan tersebut telah diserahkan kepada SSC pada September lalu, dan kini Persisi sedang menunggu jawapan daripada pihak mereka.

Seorang pegawai SSC, yang dihubungi, telah mengesahkan bahawa pihaknya telah pun menerima permohonan daripada Persisi itu.

Jamaludin seterusnya menerangkan bahawa Persisi perlu membelanjakan sekitar \$23,000 sebagai biaya untuk menyertai Kejohanan Pencak Silat Kebangsaan Malaysia.

Perbelanjaan tersebut, katanya, ialah bagi menampung penyertaan 28 pesilat dan lima pegawai, yang bakal mengikuti rombongan Persisi itu.

Antara pesilat yang telah dipilih, termasuk peserta ber-

saudara — Mohamed Falak dan Mohamed Hidayat Hosni — Sheik Alauddin Yacoob dan A. Kadir Ibrahim.

Pesilat muda terdiri daripada Mohamed Fadly Abdul Karim, Irwan Juirami, Mohamed Razak Hussein, Noor Milah Arman dan Mateena Bee Mohamed Ibrahim.

Mengenai Kejohanan di Indonesia pula, Jamaludin memberitahu bahawa ia akan diadakan dari 20 hingga 29 April sempena perasmian pembukaan Padepokan (Pusat Silat) di Jakarta.

Untuk kejohanan itu, Persisi merancang mengirinkan seramai 28 peserta.

Bagaimanapun, bilangan pesilat yang bakal dihantar untuk memeriahkan Kejohanan Undangan Hanoi belum dapat dipastikan sejauh ini.

“Biasanya, sebagai tuan rumah, mereka yang menentukan bilangan acara yang dipertandingkan,” katanya.